



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara kerugian RM58,400
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 3 June 2019

Language: Malay
Section: Sentral
Page: 22

Pesara kerugian RM58,400

***Dtipu kononnya
terlibat seludup
dadah, gubah
wang haram***

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Akibat terlalu takut kerana dikaitkan dengan aktiviti pengubahan wang haram dan kesalahan dadah, seorang pesara kerajaan berputih mata selepas ditipu RM58,400 pada 29 Mei lalu

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, wanita berumur 62 tahun itu ditipu setelah menerima panggilan daripada seorang wanita pada kira-kira 3 petang yang menyamar sebagai sebagai pekerja pejabat pos laju Kuala Lumpur.

Menurutnya, suspek memaklumkan bahawa mangsa mempunyai notis tidak membayar cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Sabah dalam pengurusan saham.

"Mangsa kemudiannya disambungkan kepada lagi suspek dikenali sebagai 'Sarjan Azizul' mengatakan



mangsa terlibat dalam kes penyeludupan dadah dan pengubahan wang haram.

"Sarjan Azizul kemudiannya menyambungkan telefon kepada 'Asisten Superintendan Yong' dari Bukit Aman dan bersetuju

***Wanita
berumur
62 tahun itu
ditipu setelah
terima panggilan
daripada seorang
wanita pada
kira-kira 3
petang.*** - Mohd Wazir

untuk membantu mangsa namun perlu dirahsiakan dan bersetuju untuk membuat siasatan awal ke atas akaun pengadu

"Mangsa kemudian disuruh membayar wang sebanyak RM58,400 untuk

menyelesaikan kes tersebut dan mangsa yang terlalu takut bersetuju sehingga mangsa dan suaminya terpaksa mengeluarkan wang simpanan mereka," katanya.

Tambahnya, mangsa telah membayar sebanyak 14 transaksi di dua akaun CIMB namun mangsa berasa ditipu dan telah melaporkan perkara ini kepada pihak polis.

Sementara itu, bagi kes berlainan Mohd Wazir berkata, seorang Ketua Jabatan Kualiti sebuah syarikat kerugian RM15,000 selepas ditipu individu yang menyamar agen perkapalan.

Menurutnya, mangsa telah dihubungi oleh seorang wanita bernama Wong yang memberitahu agar mempercepatkan proses pemunggahan barangan yang berada dalam kontena milik kawan pengadu untuk pemeriksaan kastam.

"Mangsa diminta membuat pembayaran sebanyak RM15,000 dan mangsa telah membuat tiga transaksi ke akaun ke atas akaun CIMB.

"Mangsa diminta sekali lagi membayar RM25,000 tetapi tidak buat demikian kerana berasa ditipu sebelum membuat laporan polis," katanya.